



**GARIS PANDUAN MICRO-CREDENTIAL
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(EDISI 2 TAHUN 2024)**

KELULUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

TARIKH: 5 FEBRUARI 2024



GARIS PANDUAN MICRO- CREDENTIAL



**UNIVERSITI MALAYSIA
TERENGGANU**



Edisi 2/2024



**GARIS PANDUAN
MICRO-
CREDENTIAL**



**UNIVERSITI MALAYSIA
TERENGGANU**

GARIS PANDUAN MICRO-CREDENTIAL UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

e-ISBN XXXXXXXXXX

Semua Hak Cipta Terpelihara

Tiada bahagian dalam penerbitan ini boleh diterbitkan semula dalam sebarang bentuk tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit

Pusat UMT Life

Universiti Malaysia Terengganu

21030 Kuala Nerus

Terengganu

**JAWATANKUASA PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN MICRO-CREDENTIAL
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

PENAUNG

Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

PENASIHAT

Profesor Dr. Asyraf Ab Rahman
Dekan Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

PENGERUSI

Profesor Dr. Hafiza Aishah Hashim
Pengarah Pusat UMT Life

AHLI JAWATANKUASA

Prof Madya Dr. Fatimah Hashim
Prof Madya Dr. Hailan Salamun
Dr. Abdul Hanis Embong
Dr. Azlina Musa
Dr. Che Mohd Zaid Yusof
Dr. Che Wan Ida Rahimah Che Wan Ibrahim
Dr. Nor Omaima Harun
Dr. Rohana Ahmad
Dr. Siti Hajar Kamaruddin
Dr. Wan Hafiza Wan Hassan
En. Syahrin Said
Cik Roslina Ghazali
Pn. Rohaida Haji Awang
Pn. Fauzayani Ibrahim
Pn. Napisah Abd Rahman
Cik Nur Azira Jusoh

SEKRETARIAT

Cik Syahira Yusoff
Cik Siti Faizah Zainal

PASUKAN PENULIS

Profesor Dr. Hafiza Aishah Hashim

Prof Madya Dr. Fatimah Hashim

Prof Madya Dr. Hailan Salamun

Dr. Abdul Hanis Embong

Dr. Azlina Musa

Dr. Che Mohd Zaid Yusof

Dr. Che Wan Ida Rahimah Che Wan Ibrahim

Dr. Nor Omaima Harun

Dr. Rohana Ahmad

Dr. Siti Hajar Kamaruddin

Dr. Wan Hafiza Wan Hassan

En. Syahrin Said

Cik Roslina Ghazali

Pn. Rohaida Haji Awang

Pn. Fauzayani Ibrahim

Pn. Napisah Abd Rahman

Cik Nur Azira Jusoh

Cik Syahira Yusof

Cik Siti Faizah Zainal

KANDUNGAN

Senarai Rajah	iv
Senarai Jadual	v
Glosari	vi
Prakata	viii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Tujuan	1
1.2 Definisi dan Latar Belakang	1
BAB 2: JUSTIFIKASI PELAKSANAAN	3
2.1 Justifikasi Pelaksanaan Micro-credential UMT	3
2.2 Tujuan Pelaksanaan Micro-credential UMT	3
2.2.1 Pembelajaran Sepanjang Hayat	3
2.2.2 Peluasan Capaian Pembelajaran	3
2.2.3 Pembangunan Profesional	4
2.2.4 Pembangunan Akademik	4
2.2.5 Pembangunan Individu	5
BAB 3: PRINSIP UTAMA	6
3.1 Prinsip Utama Micro-credential	6
3.1.1 Berasaskan Hasil	6
3.1.2 Keperluan Individu	6
3.1.3 Keperluan Semasa dan Permintaan Industri	7
3.1.4 Kebolehpercayaan dan Boleh Dikembangkan	7
3.1.5 Ketelusan	9
BAB 4: POLISI UMUM	10
4.1 Polisi Micro-credential UMT	10
4.1.1 Mod Penyampaian	10
4.1.2 Kewarganegaraan	10
4.1.3 Penamaan Micro-credential	11
4.1.4 Micro-credential dalam Bidang Profesional	11

4.1.5 Pelaksanaan Program Micro-credential daripada Program yang Diakreditasi	11
4.1.6 Peluasan Penawaran Micro-credential daripada Program yang telah Diakreditasi kepada Rakan Kerjasama (Francaisi)	12
4.1.7 Keperluan Kemasukan melalui Micro-credential	12
BAB 5: PEMBANGUNAN REKA BENTUK, PENYAMPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN	14
5.1 Bidang	14
5.2 Carta Aliran Pembangunan Micro-Credential	14
5.3 Jenis Kursus Micro-credential	14
5.3.1 Kursus Micro-credential Mandiri (<i>Stand-Alone</i>)	15
5.3.2 Kursus Micro-credential berasaskan Program Akademik	16
5.4 Komponen Kursus Micro-credential	19
5.4.1 Rancangan Pengajaran	20
5.4.2 Silibus	20
5.4.3 Bahan Pembelajaran	20
5.4.4 Aktiviti Pembelajaran	21
5.4.5 Aktiviti Pentaksiran	21
5.4.6 Kelayakan Pemindahan Kredit	22
BAB 6: JAMINAN KUALITI	23
6.1 Sistem Pengurusan Kualiti	23
6.2 Penilaian keperluan Pasaran	24
6.3 Hasil Berasaskan Kompetensi	26
6.4 Penilaian Pembelajaran	26
6.5 Penyampaian – Sistem dan Sumber	26
6.6 Pemantauan dan Semakan	27
6.7 Maklum Balas Peserta	27
6.8 Penilaian Kualiti untuk Micro-credential UMT	27
6.9 Pengurusan Data dan Rekod Peserta	27
6.10 Tadbir Urus	28

RUJUKAN	29
LAMPIRAN	
Lampiran 1 – Carta Aliran Proses Perancangan, Penawaran dan Pelaksanaan Micro-Credential Berkredit	31
Lampiran 2 - Carta Aliran Proses Perancangan, Penawaran dan Pelaksanaan Micro-Credential Tidak Berkredit	35
Lampiran 3 – Contoh Silibus Micro-credential	38
Lampiran 4 – Terma Rujukan Jawatankuasa Teknikal Pembelajaran Sepanjang Hayat	44
Lampiran 5 – Senarai Pakar Bidang Khusus (<i>Subject Matter Expert</i>) Micro-credential, UMT	45
ULC/MC/01 – Borang Penawaran Kursus Micro-credential	46
ULC/MC/02 – Borang Semakan Silibus Kursus Micro-credential	49

SENARAI RAJAH

Rajah 1	
Contoh Lencana Digital/Sijil Mikro dalam Micro-credential UMT	8
Rajah 2	
Contoh Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) UMT	9
Rajah 3	
Kursus Micro-Credential Mandiri (<i>Stand-Alone</i>)	15
Rajah 4	
Kursus Micro-credential berasaskan Program Akademik	16
Rajah 5	
Komponen Kursus Micro-credential	19

SENARAI JADUAL

Jadual 1

Syarat Kemasukan dan Had Umur ketika Bergraduat Mengikut Tahap dalam Micro-credential UMT 13

Jadual 2

Jenis Kursus Micro-credential (Agensi Kelayakan Malaysia, MQA 2020) 17

GLOSARI

Lencana Digital (*Digital Badge*)

Sijil berbentuk digital yang mengiktiraf pencapaian/kelayakan mikro peserta. Lencana digital boleh dikumpulkan bagi tujuan pentauliahan pada tahap yang lebih tinggi termasuk penganugerahan Penyata Micro-credential Malaysia (PMM).

Micro-credential

Pensijilan pembelajaran bagi set kursus/modul/program latihan yang lebih kecil berbanding kursus konvensional dan direka bentuk untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ilmu yang spesifik. Ia boleh mewakili komponen mikro yang ditawarkan sama ada daripada program akademik yang telah diakreditasi mahupun program mandiri (*stand-alone*).

Micro-credential daripada Kursus dalam Program Akademik

Micro-credential yang menawarkan komponen hasil pembelajaran mikro kursus-kursus daripada program akademik yang telah diakreditasi. Peserta yang terlibat akan dianugerahkan sama ada Lencana Digital/Sijil Mikro yang boleh dikumpulkan bagi mendapatkan Penyata Micro-credential Malaysia (PMM). Model pengumpulan Lencana Digital dan Sijil Mikro diwujudkan dengan cara merujuk keperluan serta komponen khusus program akademik berkenaan.

Micro-credential Mandiri (*Stand-alone*)

Micro-credential mandiri menawarkan komponen hasil pembelajaran mikro sama ada daripada kursus program akademik yang telah diakreditasi atau dalam bidang profesional/industri tertentu. Peserta akan dianugerahkan sama ada Lencana Digital/Sijil Mikro yang boleh dikumpulkan bagi mendapatkan Penyata Micro-credential Malaysia (PMM). Model pengumpulan tersebut perlu direka bentuk oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) berkenaan dengan mengambil kira standard amalan baik berdasarkan bidang masing-masing untuk menjamin pembangunan profesional secara berterusan.

Model Pengumpulan (*Stacking Model*)

Struktur yang direka bentuk oleh PTj bagi membolehkan pengumpulan Lencana Digital/Sijil Mikro dan Penyata Micro-credential Malaysia (PMM), serta penganugerahan selanjutnya seperti diploma dan ijazah. Reka bentuk model pengumpulan ini perlu mengambil kira standard serta amalan baik bagi bidang masing-masing.

Penyata Micro-credential Malaysia (PMM)

Transkrip yang mengiktiraf pencapaian peserta terhadap pengetahuan, kemahiran atau kecekapan makro tertentu. Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) mengandungi maklumat berkaitan kursus seperti waktu pembelajaran, kredit, hasil pembelajaran, penilaian dan jaminan kualiti. Bagi Micro-credential UMT, Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) diperoleh melalui pengumpulan beberapa Sijil Mikro. Beberapa Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) boleh dikumpulkan bagi tujuan mendapatkan pentauliahahan pada tahap yang lebih tinggi termasuk diploma atau ijazah tertentu.

Peserta

Merujuk kepada individu-individu yang mengikuti sesi pembelajaran Micro-credential UMT. Peserta akan dianugerahkan Lencana Digital/Sijil Mikro/Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) hasil daripada penguasaan komponen mikro kursus.

Sijil Mikro

Sijil yang mengiktiraf pencapaian peserta kursus yang menawarkan satu hasil pembelajaran mikro. Penyertaan setiap kursus mikro akan dianugerahkan dengan satu Sijil Mikro. Beberapa Sijil Mikro boleh dikumpulkan bagi mendapatkan Penyata Micro-credential Malaysia (PMM).

PRAKATA

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya penerbitan buku ini dapat direalisasikan. Penerbitan ini bakal berfungsi sebagai wahana garis panduan yang komprehensif bagi penawaran kursus Micro-credential di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Implikasinya, usaha tersebut akan menjana transformasi ke arah pendemokrasian pendidikan nasional dan pembangunan profesional yang memenuhi keperluan akademik, industri, komuniti mahupun individu. Bukan itu sahaja, kursus Micro-credential UMT yang berasaskan kursus akademik yang berstatus akreditasi sementara, penuh atau bersifat mandiri akan menjamin pembelajaran berlaku secara fleksibel dan mendapat pengiktirafan dalam tempoh yang singkat. Oleh itu, buku ini dilengkapi dengan garis panduan Micro-credential terkini, termasuk aspek governan, dasar, tata cara dan mekanisme yang sedia ada. Turut dimuatkan dalam buku ini adalah aspek pengenalan, justifikasi pelaksanaan, prinsip utama, polisi umum, perancangan, pembangunan, reka bentuk, penyampaian, pengiktirafan serta jaminan kualiti Micro-credential UMT. Selain itu, lampiran grafik termasuk rajah, jadual dan templat yang berkaitan menjadikannya lebih berinformatif. Akhir kalam, saya dengan penuh ta'zim mengucapkan syabas dan jutaan terima kasih kepada semua ahli pasukan penulis yang komited dalam menjayakan penghasilan buku garis panduan Micro-credential UMT ini.

Profesor Dr. Hafiza Aishah Hashim

Ketua Pasukan Penulis

Mac 2024

BAB 1

PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Garis panduan ini menjelaskan definisi, tujuan dan prinsip Micro-credential UMT. Ia menyediakan panduan kepada PTj tentang proses perancangan, reka bentuk, pelaksanaan, pemantauan serta penganugerahan Micro-credential UMT. Tujuannya adalah bagi memastikan setiap proses berkenaan dapat dilaksanakan secara teratur dan memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency*, MQA). Garis panduan ini perlu dibaca bersama dengan buku garis panduan, *Guidelines to Good Practices: Micro-credentials* (MQA, 2020).

1.2 DEFINISI DAN LATAR BELAKANG

Micro-credential ditakrifkan sebagai pensijilan mikro bagi mengiktiraf pemerolehan pengetahuan, kemahiran serta kecekapan dalam sesuatu bidang ilmu yang menyokong pembangunan profesional, memenuhi keperluan akademik, industri, komuniti mahupun individu. Micro-credential memfokuskan kepada modul-modul pembelajaran dengan skop pembelajaran yang jauh lebih kecil berbanding program akademik konvensional. Micro-credential ini dibangunkan daripada kursus-kursus dalam program akademik yang berstatus akreditasi sementara atau penuh yang telah ditawarkan oleh pihak UMT atau yang bersifat mandiri. Micro-credential menyediakan laluan pembelajaran yang fleksibel dan memberi pengiktirafan terhadap pembelajaran dalam tempoh yang singkat. Di akhir modul, peserta Micro-credential akan dianugerahkan Lencana Digital/Sijil Mikro/Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) mengikut kriteria yang diperincikan dalam garis panduan ini. Selain itu, pelaksanaan Micro-credential di UMT juga perlu mematuhi syarat reka bentuk, peraturan dan kualiti yang ditetapkan oleh pihak MQA.

Kepesatan ekonomi pengetahuan yang bersifat global dan digital telah mempengaruhi peningkatan permintaan terhadap pendidikan digital yang fleksibel dari segi ruang, masa dan kos serta variasi keperluan khusus individu. Justeru, selari dengan aspirasi negara dalam memaksimumkan peluang pendidikan tinggi yang fleksibel dan pembelajaran sepanjang hayat, UMT kini memperluaskan penawaran program pendidikan baru melalui Micro-credential yang menekankan pembangunan profesional, individu dan akademik. Peserta boleh memilih pelbagai laluan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing dengan mengumpulkan Lencana Digital, Sijil Mikro dan/atau Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) yang berpotensi untuk ditingkatkan kepada penganugerahan pentauliahahan-makro seperti, sijil profesional, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana (secara kerja kursus), ijazah kedoktoran (secara kerja kursus) serta ijazah sarjana muda berganda (*double degree*).

BAB 2

JUSTIFIKASI PELAKSANAAN

2.1 JUSTIFIKASI PELAKSANAAN MICRO-CREDENTIAL UMT

Selari dengan misi UMT untuk menjadi universiti penjana ilmu demi kemakmuran masyarakat dan kelestarian dunia, penawaran Micro-credential UMT merupakan satu langkah efisien untuk memastikan pendidikan universiti akan terus berkembang dan sentiasa relevan terhadap permintaan globalisasi sosial, ekonomi dan industri semasa.

2.2 TUJUAN PELAKSANAAN MICRO-CREDENTIAL UMT

Pelaksanaan Micro-credential UMT bertujuan untuk merealisasikan:

2.2.1 Pembelajaran Sepanjang Hayat

Dengan transformasi dan kemajuan teknologi Revolusi Industri 4.0 khususnya, telah membawa kepada persaingan yang sengit dalam era ini. Setiap individu wajib melengkapkan diri masing-masing dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran dan kecekapan lestari mengikut perubahan globalisasi semasa. Pelaksanaan Micro-credential UMT berperanan ke arah memperkasakan pembelajaran sepanjang hayat melalui penawaran modul-modul Micro-credential yang selari dengan perkembangan dan teknologi semasa. Selain itu, misi tersebut merupakan usaha bagi mengiktiraf dan menggalakkan pembangunan berterusan dari aspek profesional, akademik dan individu dalam komuniti.

2.2.2 Peluasan Capaian Pembelajaran

Berbeza dengan program akademik konvensional yang bersifat makro dan terhad dari segi ruang dan masa, kursus Micro-credential yang ditawarkan oleh UMT lebih bersifat fleksibel dan hanya bersaiz kecil. Tambahan pula, kursus Micro-credential dalam talian

membolehkan penyertaan pembelajaran secara fleksibel dari segi ruang dan masa. Secara tidak langsung, capaian pendidikan tinggi individu sama ada dalam atau luar negara akan berlaku dengan lebih mudah melalui rangkaian internet. Malah, peserta hanya perlu membayar kos yang rendah bagi pembelajaran setiap modul dan bebas untuk meneruskan pembelajaran modul-modul lain berdasarkan kemampuan kewangan masing-masing.

2.2.3 Pembangunan Profesional

Kursus Micro-credential UMT adalah bertujuan untuk meningkatkan pembangunan profesional selari dengan keperluan pihak industri dan majikan. Kursus berkenaan bertujuan menambah baik tenaga kerja yang sedia ada dengan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi terkini yang diperlukan tanpa komitmen pengajian yang panjang. Ia juga mampu meningkatkan potensi kebolehpasaran graduan yang bakal berkerjaya. Peserta juga boleh mendapatkan pengiktirafan dalam bidang kerjaya masing-masing berdasarkan kepada keperluan badan profesional yang berkaitan.

2.2.4 Pembangunan Akademik

Kursus Micro-credential yang berasaskan program akademik konvensional UMT adalah bertujuan untuk menyediakan laluan pembangunan akademik yang fleksibel kepada individu yang tidak berpeluang/tidak berminat untuk mengikuti program akademik melalui mod konvensional. Kebiasaannya, individu juga boleh mengumpul Lencana Digital/Sijil Mikro bagi modul tertentu untuk memperoleh Penyata Micro-credential Malaysia (PPM)/Sijil Profesional/pemindahan kredit kursus ke program akademik yang bersesuaian bagi memperolehi Sijil Makro yang lain. Misalnya, pada tahap diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana (secara kerja kursus) atau ijazah kedoktoran (secara kerja kursus).

2.2.5 Pembangunan Individu

Kursus Micro-credential UMT turut menekankan aspek pembangunan individu yang berfokuskan kepada pelbagai pengetahuan, kemahiran dan kualiti hidup. Di samping itu, ia juga membantu penambahbaikan kehidupan secara holistik dari aspek kerohanian, kekeluargaan dan peningkatan kerjaya. Hal ini penting memandangkan kejayaan dalam kerjaya dipengaruhi oleh tahap kemahiran insaniah dan pembangunan individu.

BAB 3

PRINSIP UTAMA

3.1 PRINSIP UTAMA MICRO-CREDENTIAL

UMT telah menggariskan beberapa prinsip utama dalam membangunkan dan menawarkan kursus Micro-credential untuk memastikan ianya memberi manfaat sepenuhnya kepada semua pihak yang berkepentingan. Prinsip-prinsip utama yang digariskan dalam Micro-credential UMT adalah selaras dengan garis panduan yang disediakan oleh MQA dan mengambil kira amalan baik.

3.1.1 Berasaskan hasil

Hasil pembelajaran Micro-credential UMT adalah berasaskan pengetahuan, kemahiran dan/atau kompetensi yang harus dinyatakan dengan jelas melalui kaedah yang boleh diukur dan dibuktikan. Pencapaian hasil harus dibuktikan melalui kaedah pentaksiran yang bersesuaian dan hendaklah dilaporkan dengan cara yang mesra pengguna.

3.1.2 Keperluan Individu

Kursus Micro-credential UMT direka bentuk untuk membolehkan individu memilih kursus yang memenuhi keperluan, minat dan bidang profesional masing-masing. Peserta diberikan kebebasan dalam memilih kursus yang menawarkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang mereka ingin pelajari.

Kaedah penyampaian, pembelajaran dan pentaksiran Micro-credential UMT adalah bersifat fleksibel, disesuaikan dengan kemampuan, keadaan dan kekangan yang dihadapi peserta. Kursus Micro-credential UMT dijalankan secara pembelajaran konvensional atau dalam talian atau teradun.

3.1.3 Keperluan Semasa dan Permintaan Industri


Kursus Micro-credential UMT direka bentuk dan disampaikan mengikut keperluan semasa dan kehendak pemegang taruh seperti pihak industri, badan profesional, komuniti dan masyarakat awam. Kursus hendaklah dibangunkan dengan berfokuskan kepada set kemahiran jangka pendek, pengetahuan dan teknologi yang diperlukan oleh peserta untuk meningkatkan kompetensi kemahiran bekerja mereka.

Justeru, kajian pasaran dan sesi penglibatan dengan pihak industri dan para pemegang taruh yang lain adalah sangat penting untuk dijadikan input dalam merancang kursus Micro-credential UMT bagi memastikan modul yang ditawarkan memenuhi keperluan pasaran, signifikan dan relevan dengan keperluan semasa.

3.1.4 Kebolehpercayaan dan Boleh Dikembangkan

Lencana digital/Sijil Mikro dan Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) UMT perlu dihasilkan melalui teknologi yang dapat menjamin keselamatan identiti dan data peserta serta melindungi pensijilan daripada penyalahgunaan yang boleh menjejaskan kepercayaan pengguna. Lencana digital/ Sijil Mikro dan Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) UMT juga harus boleh diakses, dipamer dan disebar luas terutamanya melalui pelbagai platform digital secara selamat.



	No. Siri : MMS00002788 Nama : BADRUL KHU SAIRI BIN ABD GHANI No. Kad Pengenalan : 991216-01-XXXX Nama Modul : Fiqh Solat Bahasa Pengantar/Peperiksaan : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris Tahap Modul : Asas Masa Pembelajaran Pelajar : 3 jam Hasil Pembelajaran Kursus : 1. Menjelaskan pengertian waktu-waktu solat, syarat dan rukun solat serta Taharah (MLO3) 2. Menerangkan tentang pembahagian solat dan solat berjemaah dan isu berkaitan (MLO4)
	Penaksiran : Hafazan Kuiz Keputusan : Lulus Tarikh Cop Rasmi/Meterai Penganugerahan: 04 Oktober 2022 <div style="text-align: right;"> Timbalan Pendaftar Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik </div>

Rajah 1: Contoh Lencana Digital/Sijil Mikro dalam Micro-credential UMT

3.1.5 Ketelusan

Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) UMT hendaklah mengandungi maklumat lengkap seperti nama modul, hasil pembelajaran kursus, kaedah penyampaian dan pentaksiran, jam pembelajaran, kredit, jenis penganugerahan yang boleh dicapai oleh peserta dan pihak berkepentingan bagi tujuan penilaian dan pengiktirafan.



PENYATA MICRO-CREDENTIAL MALAYSIA (PMM)

No. Siri	:	MMS000002788
Nama	:	BADRUL KHUSAIRI BIN ABD GHANI
No. Kad Pengenalan	:	991216-01-XXXX
Nama Kursus	:	Micro-credential dalam Fiqh Ibadat
Kursus Asal (Kod Kursus)	:	NCC 3123 Fiqh Ibadat
Program	:	Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) (MQA/FA 4777)
Nama Institusi yang Menganugerahkan	:	Universiti Malaysia Terengganu
Bahasa Pengantar/Peperiksaan	:	Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris
Kaedah Penyampaian	:	Pembelajaran atas Talian & Bersemuka
Mod Pembelajaran	:	Pembelajaran Konvensional & Teradun
Tahap Kursus	:	Asas
Jam Kredit /Bersamaan	:	3 kredit
Masa Pembelajaran Pelajar	:	120 jam
Tempoh	:	14 minggu
Syarat Pendaftaran	:	Tiada
Hasil Pembelajaran Kursus	:	1. Menerangkan Fiqh Ibadat dari aspek Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah (C2, PLO1). 2. Mempamerkan kemahiran pengurusan amali ibadat (P3, PLO2). 3. Membincangkan dengan yakin amali penyertaan ibadah hasil bagi aktiviti yang dijalankan (A2, PLO7).
Penilaian	:	40% tugasan 60% ujian
Sistem Gred	:	B
Jaminan kualiti	:	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Tarikh Cop Rasmi/Meterai Penganugerahan: 04 Oktober 2022

Timbalan Pendaftar
Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik

Rajah 2: Contoh Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) UMT

BAB 4

POLISI UMUM

4.1 Polisi Micro-credential UMT

Polisi Micro-credential UMT merangkumi beberapa aspek sebagaimana berikut:

4.1.1 Mod Penyampaian

Micro-credential UMT dilaksanakan secara pembelajaran konvensional atau dalam talian atau teradun. Dalam memilih mod penyampaian yang bersesuaian, pihak Fakulti/Pusat/Institut perlu mengambil kira keperluan bidang, amalan terbaik untuk penyampaian kandungan pembelajaran, tahap fleksibiliti dari segi masa dan ruang, konteks dan kesediaan peserta sasaran serta keperluan pihak berkepentingan. Sebagai contoh, bidang yang memerlukan latihan praktikal, klinikal dan pengendalian peralatan adalah tidak sesuai dilaksanakan secara dalam talian. Manakala, pembelajaran berbentuk teori lebih sesuai dilakukan secara dalam talian bagi menyasarkan penyertaan peserta yang ramai.

4.1.2 Kewarganegaraan

Kelayakan Micro-credential terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia. Bagi calon bukan warganegara, peraturan dan dasar negara masing-masing hendaklah dirujuk terlebih dahulu. Ini adalah untuk mengelakkan salah tanggapan mengenai anugerah tersebut. PTj berkaitan perlu memberi penjelasan dan penerangan yang jelas tentang Micro-credential seperti dalam Penyata Micro-credential Malaysia (PMM).

4.1.3 Penamaan Micro-credential

Micro-credential yang ditawarkan oleh UMT hendaklah dinamakan dengan sewajarnya berdasarkan tujuan, penyampaian, kandungan, penilaian dan skop. Gelaran atau tata nama Micro-credential tidak boleh bercanggah dengan sebarang tajuk kelayakan yang ditetapkan dalam MQF atau program yang mana Micro-credential adalah sebahagian daripadanya, atau sebarang tajuk lain yang telah dijenama. Micro-credential UMT dinamakan Micro-credential dalam tajuk kursus (Contoh: Micro-credential dalam Fiqh Ibadat).

4.1.4 Micro-credential dalam Bidang Profesional

PTj di UMT yang ingin menawarkan kursus Micro-credential dalam bidang profesional seperti perakaunan, kaunseling, maritim, sains gunaan dan lain-lain perlu memastikan peserta jelas tentang status profesional Micro-credential dan pengiktirafan dalam bidang profesional masing-masing sekiranya ingin mendapat kelayakan profesional pada masa hadapan.

4.1.5 Pelaksanaan Program Micro-credential daripada Program yang diakreditasi

Kursus Micro-credential yang ditawarkan mestilah berasal daripada program akademik yang telah memperoleh akreditasi sementara atau akreditasi penuh daripada MQA. Ini bagi memastikan kursus yang ditawarkan memenuhi keperluan minimum oleh MQA. Peserta yang telah melengkapkan keperluan program akademik melalui kursus Micro-credential hanya boleh dianugerahkan kelayakan daripada program yang telah mendapat akreditasi sepenuhnya.

PTj mesti memastikan bahawa kursus Micro-Credential adalah sama atau setara dengan kursus dalam program yang ditawarkan melalui mod konvensional atau *Open and Online Distance Learning* (ODL). Walau bagaimanapun, PTj boleh membuat perubahan kepada

pengajaran, pembelajaran dan penilaian kursus dengan memastikan penjajaran konstruktif sentiasa dikekalkan dan ditunjukkan.

4.1.6 Peluasan Penawaran Micro-credential daripada Program yang telah diakreditasi kepada Rakan Kerjasama (Francaisi)

Kursus Micro-credential daripada program yang telah diakreditasi boleh diperluaskan penawaran kepada rakan kerjasama (francaisi) sehingga 70% daripada keseluruhan program yang ditawarkan dengan pemakluman kepada pihak MQA. Penawaran tersebut perlu dimeterai melalui Memorandum Perjanjian (MoA). Pihak UMT perlu memastikan jaminan kualiti kursus Micro-credential berkenaan adalah dengan kursus asal yang ditawarkan di UMT.

4.1.7 Keperluan Kemasukan melalui Micro-credential

Peserta boleh mendaftar kursus Micro-credential tanpa sebarang syarat kemasukan minimum. Namun begitu, kondisi ini bukanlah halangan kepada penyedia Micro-credential UMT untuk menetapkan prasyarat yang sesuai, seperti pengalaman kerja, usia, literasi, literasi digital, pendidikan formal dan lain-lain.

Bagi Micro-credential daripada kursus dalam program akademik yang telah mendapat akreditasi, UMT menetapkan had umur bagi syarat kemasukan dan bergraduat mengikut tahap pentauliahan yang ditawarkan. Sila rujuk Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Syarat Kemasukan dan Had Umur ketika Bergraduat Mengikut Tahap dalam Micro-credential UMT

Bil	Tahap	Syarat kemasukan	Umur Minimum ketika Bergraduat (Tahun)
1	Sijil	Berdasarkan syarat kemasukan semasa atau yang setara	20
2	Diploma		22
3	Ijazah Sarjana Muda		24
4	Ijazah Sarjana		31

Peserta yang telah menamatkan 30% daripada kursus-kursus dalam program melalui Micro-credential di bawah komponen program yang diakreditasi penyedia pendidikan tinggi (PPT) tunggal atau 70% daripada kursus-kursus di bawah komponen program yang diakreditasi penyedia pendidikan tinggi (PPT) pelbagai tetapi tidak memenuhi syarat kemasukan minimum, mesti dinasihatkan untuk menjalani APEL untuk Micro-credential melalui MQA. APEL untuk Micro-credential memerlukan peserta menyerahkan portfolio lengkap mengikut prosedur yang ditetapkan untuk APEL(A) bagi pengesahan MQA. Untuk maklumat lanjut, penyedia boleh merujuk kepada *Guideline to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Access (APEL.A) and Accreditation of Prior Experiential Learning for Micro-credentials (APEL.M)*

BAB 5

PEMBANGUNAN REKA BENTUK, PENYAMPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

5.1 BIDANG

Kursus Micro-credential boleh dibangunkan berdasarkan kepada empat bidang seperti pembangunan eksekutif dan profesional, pembangunan kemahiran insaniah, pensijilan profesional dengan rakan industri dan pembelajaran sepanjang hayat. Kursus Micro-credential boleh merangkumi kompetensi pengetahuan dan kemahiran.

5.2 CARTA ALIRAN PEMBANGUNAN MICRO-CREDENTIAL

Pembangunan kandungan kursus Micro-credential harus berasaskan aktiviti pembelajaran yang dijangka dengan hasil pembelajaran/kompetensi bagi setiap kursus. Ini untuk membantu dalam pembangunan pembelajaran aktif dan menghasilkan pengalaman pembelajaran yang bermakna. Proses pembangunan kursus Micro-credential adalah mengikut carta alir sebagaimana di **Lampiran 1**.

5.3 JENIS KURSUS MICRO-CREDENTIAL

Dalam mereka bentuk dan membangunkan kursus Micro-credential, penawaran bergantung kepada permintaan pihak industri, majikan, pengawal selia dan peserta, sama ada dari segi kedalaman, keluasan, mod penyampaian, pendekatan androgogi, tempoh, campuran pengetahuan, kemahiran dan kecekapan.

Sehubungan itu, kursus Micro-credential di UMT dibahagikan kepada dua kategori:

5.3.1 Kursus Micro-credential Mandiri (*Stand-Alone*)

Kelayakan penawaran kursus Micro-Credential Mandiri (*Stand-Alone*) terdiri daripada sebahagian daripada kursus dalam program yang telah diiktiraf (berkredit) atau direka bentuk baharu (tidak berkredit) berdasarkan keperluan khas majikan, industri atau individu untuk pengetahuan, kemahiran dan kecekapan tertentu. Keperluan kursus Micro-credential Mandiri bertujuan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja bagi pengetahuan, kemahiran dan kecekapan baharu. Pihak universiti boleh memberi pilihan kepada peserta bagi perakuan tahap kecekapan yang tertentu. Jenis kelayakan kursus Micro-credential boleh ditawarkan kepada mana-mana peserta yang berminat daripada kalangan populasi dan/atau kepada pelajar dalam program bertauliah sebagai tambahan atau pensijilan kemahiran pelengkap untuk kebolehpasaran yang lebih baik. **Rajah 3** menunjukkan syarat dan keperluan bagi penawaran kursus Micro-credential Mandiri (*Stand-Alone*).



Rajah 3: Kursus Micro-Credential Mandiri (*Stand-Alone*)

Bagi kelayakan kursus Micro-credential Mandiri (*Stand-Alone*), peserta boleh memilih mana-mana universiti untuk mendapatkan pengiktirafan melalui pindahan kredit untuk MOOC atau APEL(C) atau prosedur APEL(Q)

5.3.2 Kursus Micro-credential berasaskan Program Akademik

Menawarkan hasil pembelajaran mikro yang terkandung dalam kursus-kursus daripada program akademik yang telah mendapat akreditasi. **Rajah 4** menunjukkan syarat dan keperluan bagi penawaran kursus Micro-credential berasaskan Program Akademik.



Rajah 4: Kursus Micro-credential berasaskan Program Akademik

Ringkasan perbandingan ciri-ciri dua jenis kelayakan kursus Micro-credential adalah sebagaimana di **Jadual 2**.

Jadual 2: Jenis Kursus Micro-credential (Agensi Kelayakan Malaysia, MQA 2020)

Jenis Kursus Micro- credential	Komponen Program yang Diakreditasi		Mandiri – Tambahan dan Saling Melengkapi
	Penyedia pendidikan tinggi (PPT) tunggal	Penyedia pendidikan tinggi (PPT) pelbagai	Penyedia pendidikan tinggi (PPT) dan pembekal lain
Sumber Asal Micro-credential	<p>Kursus daripada komponen program akademik yang diakreditasi, daripada satu PPT sahaja.</p> <p>Contoh: Peserta mengambil kursus Micro-credential dalam Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dari UMT.</p>	<p>Kursus daripada program akademik yang diakreditasi, daripada pelbagai PPT sama ada tempatan atau luar negara.</p> <p>Contoh: Peserta mengambil kursus daripada pelbagai PPT awam, swasta, tempatan dan luar negara. *Kursus mestilah diakreditasi di negara asal PPT berkenaan.</p>	<p>Kursus daripada pelbagai penyedia.</p> <p>Contoh: Peserta mengambil kursus yang ditawarkan melalui kolaborasi PPT dalam dan luar negara, penyedia MOOC dan institut latihan tempatan.</p>

Kelayakan Pemindahan Kredit	100% kredit kursus termasuk kredit yang dipindahkan, melengkapkan keperluan graduasi program.	Maksimum 70% kredit program boleh dipindahkan tertakluk kepada syarat pemindahan kredit MQA dan PPT.	Maksimum 30% pemindahan kredit boleh dibenarkan melalui MOOC dan APEL(C). Lebih banyak kelayakan lain dinyatakan di bawah APEL(Q)
Keperluan Institusi	Dipatuhi sepenuhnya.	Sekurang-kurang 30% daripada kredit program akademik mestilah diambil daripada PPT asal secara kumulatif dalam tempoh setahun melalui mana-mana mod yang diluluskan bagi penyampaian kursus. *Berdasarkan peraturan PPT	Seperti yang dinyatakan pada Garis Panduan APEL(Q)

5.4 KOMPONEN KURSUS MICRO-CREDENTIALIAL

Dalam merancang, membangun serta menawarkan kursus Micro-credential UMT, beberapa komponen kursus Micro-credential perlu diambil maklum sebagai keperluan bagi mengawal selia pembangunan serta pelaksanaan, terutamanya aspek kualiti dan reputasinya. Hal ini penting untuk dititikberatkan dalam memastikan semua pihak yang terlibat terutamanya para peserta mendapat manfaat, selain memelihara imej UMT sendiri sebagai universiti bereputasi antarabangsa. **Rajah 5** menunjukkan komponen bagi keperluan kursus Micro-credential.



Rajah 5: Komponen Kursus Micro-credential

5.4.1 Rancangan Pengajaran

Perancangan pengajaran bagi kursus Micro-credential perlu mengikut tatacara standard kursus akademik UMT semasa yang diguna pakai.

5.4.2 Silibus

Lampiran 2 adalah contoh silibus bagi kursus Micro-credential yang boleh dirujuk (tertakluk kepada perubahan keperluan akademik semasa).

5.4.3 Bahan Pembelajaran

Bahan pembelajaran bagi kursus Micro-credential boleh mengguna pakai bahan pembelajaran yang sedia ada sebagaimana kursus akademik konvensional UMT. Bagi menggalakkan pembangunan kandungan asli modul, pembangunan dalam bentuk video amatlah disarankan. Setiap topik utama perlu mempunyai bahan bacaan tambahan. Bahan bacaan tambahan perlu dipilih dengan teliti supaya ia boleh memberikan peserta perspektif yang berbeza terhadap topik yang dibincangkan. Bahan bacaan tambahan ini juga boleh dikaitkan dengan aktiviti pembelajaran yang disediakan dalam kandungan dan pentaksiran. Ini adalah untuk memastikan peserta membaca bahan bacaan tambahan yang disediakan.

Contoh bahan pembelajaran adalah seperti video, audio dan rakaman skrin (1 jam kuliah bersemuka bersamaan dengan sekurang-kurangnya 10 minit video), penyampaian dalam bentuk penceritaan, perisian animasi dan Web 2.0, *Augmented Reality/Virtual Reality*, kuliah dalam talian (*WebEx, Google Meet, Zoom* dan lain-lain), kandungan interaktif, video praktikal/makmal dan lain-lain yang sesuai.

5.4.4 Aktiviti Pembelajaran

Aktiviti pembelajaran merupakan komponen utama dalam reka bentuk pembelajaran bagi mencapai hasil pembelajaran/kompetensi bagi setiap modul. Pelbagai aktiviti pembelajaran boleh direka bentuk bagi menyokong proses pembelajaran dalam mencapai kemahiran berfikir aras tinggi. Pembangunan aktiviti pembelajaran perlu disediakan dan dilaksanakan bagi setiap topik utama dengan memberikan penekanan kepada penglibatan aktif peserta selaras dengan amalan pembelajaran berpusatkan peserta. Ini boleh dilakukan melalui maklum balas secara berterusan dalam pentaksiran, penglibatan dalam papan forum dan lain-lain.

Contoh aktiviti pembelajaran yang terdapat di sistem LMS@UMT yang boleh digunapakai adalah seperti teka silang kata, *Cryptex*, *Hangman*, *Hidden Picture*, *Millionaire*, *Snakes and Ladders*, *Sudoku* dan lain-lain yang sesuai.

5.4.5 Aktiviti Pentaksiran

Bagi mencapai hasil pembelajaran/kompetensi, aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan perlu disokong dengan pentaksiran yang bersesuaian. Setiap topik utama boleh dinilai melalui pentaksiran formatif atau sumatif. Pentaksiran formatif adalah aktiviti penilaian kemajuan seseorang peserta sepanjang kursus, di mana segala maklum balas dari aktiviti pembelajaran digunakan untuk menambah baik pencapaian peserta berkenaan. Pentaksiran sumatif pula adalah satu ringkasan penilaian kemajuan pembelajaran seseorang peserta pada sesuatu jangka masa tertentu dan digunakan untuk penggredan kursus peserta berkenaan. Pemberian gred/markah adalah bertujuan untuk menghasilkan keputusan akhir. Contoh aktiviti pentaksiran adalah seperti kuiz, tugas, ujian, laporan praktikal, pembentangan, kerja lapangan, kajian kes, penilaian akhir (termasuk peperiksaan akhir) dan lain-lain yang sesuai. Polisi dan Garis Panduan Pentaksiran dan Penilaian Akademik UMT hendaklah dibaca bersama semasa pelaksanaan aktiviti pentaksiran berkaitan.

5.4.6 Kelayakan Pemindahan Kredit

Setelah tamat kursus Micro-credential, peserta diberi pilihan untuk meneruskan program relevan yang ditawarkan terutamanya di UMT melalui kelayakan pemindahan kredit. Kursus-kursus Micro-credential UMT yang telah diikuti oleh peserta perlu dinilai kesetaraannya, dengan kursus dalam program akademik yang dimohon untuk pindah kredit. Nilai kesetaraan mesti tidak kurang 80% setara dari isi kandungan kursus termasuk hasil pembelajaran/kompetensi, topik kursus dan jam pembelajaran peserta (SLT).

BAB 6

JAMINAN KUALITI

6.1 SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Sistem Pengurusan Kualiti yang berkesan perlu merangkumi aspek reka bentuk, pembangunan, penyampaian, penilaian, pemantauan, semakan dan penambahbaikan Micro-credential UMT. Sistem Pengurusan kualiti diselenggara dan ditambah baik oleh UMT dan PTj. PTj boleh menggunakan pembangunan program sedia ada, reka bentuk, kelulusan, mekanisme pelaksanaan untuk Micro-credential. PTj wajib mematuhi proses berikut yang sesuai dengan kerumitan Micro-credential untuk memastikan kualiti yang tinggi.

Jaminan kualiti Micro-credential merangkumi aspek-aspek berikut:

- a. Kursus Micro-credential yang ditawarkan perlu memenuhi permintaan dan kehendak semasa pihak pemegang taruh.
- b. Kandungan kursus termasuk topik yang diajar, kaedah penyampaian dan pembelajaran, jam pembelajaran peserta dan lain-lain komponen pembelajaran perlulah dipetakan (*mapping*) pada kualiti standard program yang ditetapkan oleh MQA atau badan profesional berkaitan.
- c. Kaedah penilaian dan pentaksiran bagi mengukur pencapaian hasil pembelajaran/kompetensi peserta perlulah bersesuaian. Ia termasuk menetapkan sistem penggredan dan pelaporan dalam bentuk Lencana Digital/Sijil Mikro dan Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) (sijil profesional, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana, ijazah kedoktoran dan ijazah sarjana muda berganda). Micro-credential mengguna pakai konsep '*stacking*' atau pengumpulan bagi Sijil Mikro memberi kelebihan kepada bakal peserta. Maklumat-maklumat yang perlu dipaparkan pada Lencana Digital/Sijil Mikro dan Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) hendaklah dikenal pasti.

- d. Kredit bagi kursus-kursus Micro-credential boleh dipindahkan bagi tujuan kemasukan ke program akademik secara kerja kursus di peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan kedoktoran. Bagi tujuan pemindahan kredit, kursus Micro-credential UMT bagi peserta perlu dinilai kesetaraannya dengan kursus bagi program akademik yang dipohon.
- e. Sistem pemilihan peserta perlu diwujudkan bagi mengenal pasti kesesuaian bakal peserta yang mengikuti kursus Micro-credential mengikut keperluan bidang dan badan profesional. Ini dapat dicapai dengan memastikan syarat kemasukan (termasuk prasyarat) bagi kursus daripada program akademik yang telah mendapat akreditasi adalah sama dengan syarat kemasukan program akademik yang ditawarkan secara konvensional.
- f. Kursus Micro-credential yang ditawarkan juga hendaklah dikendalikan oleh staf akademik yang berkelayakan dan bersesuaian dengan bidang kursus yang ditawarkan.

Pelaksanaan Micro-credential juga hendaklah disokong oleh sistem sokongan yang sesuai iaitu platform bagi aktiviti penyampaian dan pembelajaran, sistem pengurusan maklumat termasuk pendaftaran/pengguguran/pelanjutan modul, maklumat peserta dan pengajar dan lain-lain maklumat berkaitan. Oleh itu, keberkesanan pengurusan sistem maklumat termasuk keselamatan sistem penyimpanan rekod, pangkalan data bagi Lencana Digital/Sijil Mikro dan Penyata Micro-credential Malaysia (PMM) akan dilindungi.

6.2 PENILAIAN KEPERLUAN PASARAN

Bagi memastikan kursus Micro-credential UMT memenuhi permintaan, PTj perlu berbincang dengan klien yang berkaitan atau membuat tinjauan pasaran. Analisis keperluan mesti memfokuskan kepada kandungan, sasaran peserta, mod penyampaian, lokasi, harga dan masa. Penilaian ini juga harus meneliti tujuan dan minat peserta serta majikan untuk kursus Micro-credential.

Selain itu, pembangunan kursus Micro-credential perlu mendapatkan pengesahan daripada industri atau majikan, pembiaya dan pihak yang berkenaan untuk memaklumkan tentang penyeteraan dan nilai Micro-credential kepada peserta sasaran.

Untuk maklumat lanjut mengenai reka bentuk dan pembangunan, penyedia boleh merujuk kepada Garis Panduan Amalan Baik (GGP) mengenai Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum, Penilaian dan Kod Amalan untuk Akreditasi Program (COPPA): ODL dan Nota Nasihat mengenai Penilaian Keperluan Pasaran (www.mqa.gov.my).

UMT sentiasa menekankan aspek jaminan kualiti dan pemantauan dalam pelaksanaan kursus Micro-credential yang ditawarkan. Oleh itu, beberapa panduan asas berhubung jaminan kualiti dan pemantauan secara berterusan telah ditetapkan selari dengan Peraturan Akademik UMT. Antara ketetapan yang digariskan adalah seperti berikut:

- a. Bagi menjamin pelaksanaan kursus Micro-credential yang berkualiti dan mapan, ia hendaklah melalui proses pengurusan semakan kurikulum dan kitaran Penambahbaikan Kualiti Berterusan/*Continuous Quality Improvement (CQI)*.
- b. Jaminan kualiti dan pemantauan kursus Micro-credential adalah melibatkan kesemua program kerja kursus di peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran.
- c. Bagi kursus Micro-credential yang terdapat pada program yang telah menerima akreditasi, jaminan kualiti modul hendaklah dilaksanakan mengikut ketetapan dasar, mekanisme dan prosedur seperti yang dinyatakan dalam *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)* dan *Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning (COPPA: ODL)* yang digariskan oleh MQA.
- d. Kursus Micro-credential yang berasaskan kemahiran profesional sesuatu bidang hendaklah mengambil kira kualiti standard dan amalan terbaik dalam bidang tersebut seperti yang ditetapkan oleh badan profesional terlibat.

6.3 HASIL BERASASKAN KOMPETENSI

Bukti Micro-credential yang merupakan komponen program bertauliah adalah berasaskan hasil. Anggaran usaha pembelajaran (dalam jam) yang diperlukan untuk mencapai hasil hendaklah disediakan sebagai tambahan kepada sebarang pengetahuan atau kemahiran prasyarat lain yang diperlukan untuk menamatkan kursus Micro-credential dengan jayanya.

6.4 PENILAIAN PEMBELAJARAN

Semua penyedia Micro-credential wajib memastikan sistem penilaian yang boleh dipercayai dan kaedah penilaian yang sesuai disediakan. Bukti Micro-credential yang merupakan komponen program bertauliah mesti mematuhi piawaian penilaian seperti yang ditetapkan dalam piawaian program yang berkaitan atau COPPA dan COPPA: ODL.

Kursus Micro-credential yang ditawarkan dari kursus program yang diakreditasi secara Akreditasi Sementara atau Penuh, sama ada melalui kaedah penyampaian konvensional atau ODL, perlu membuat pemakluman kepada pihak MQA melalui Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti, UMT. Maklumat berkaitan jenis pentaksiran, penggredan dan penjaminan kualiti perlu dinyatakan pada Penyata Micro-credential Malaysia (PMM).

6.5 PENYAMPAIAN – SISTEM DAN SUMBER

Dasar, proses dan prosedur untuk pengurusan penawaran kursus Micro-credential melibatkan promosi, pengambilan, penarikan balik atau penangguhan, lantikan pengajar, penjadualan, pengajaran, pembelajaran, penggunaan platform dalam talian, kolaborasi rakan sebaya, penilaian formatif dan sumatif dan pentauliahan harus diwujudkan, dilaksanakan dan ditambahbaik oleh PTj. Proses ini biasanya diterangkan dalam peraturan dan/atau buku panduan peserta. Dokumentasi ini harus disediakan dan boleh diakses oleh peserta.

6.6 PEMANTAUAN DAN SEMAKAN

Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti UMT akan menjalankan pemantauan pengajaran dan pembelajaran kursus Micro-credential. Garis Panduan Amalan Baik (GGP) mengenai Pemantauan, Semakan dan Penambahbaikan Kualiti Institusi Berterusan (MR-CIIQ) menyediakan maklumat lanjut tentang pemantauan dan semakan (www.mqa.gov.my).

6.7 MAKLUM BALAS PESERTA

Bahagian utama penjaminan kualiti program/kursus adalah untuk mendapatkan maklum balas peserta pada tempoh masa yang sesuai untuk memenuhi kualiti sistem penyampaian. Mana-mana instrumen yang direka untuk tujuan ini harus menilai pengalaman peserta dan bukan sekadar kepuasan mereka.

6.8 PENILAIAN KUALITI UNTUK MICRO-CREDENTIAL UMT

Apabila Micro-credential direka bentuk sebagai bukti kelayakan yang mandiri, UMT boleh memohon kepada MQA untuk menilai keberkesanan reka bentuk, pembangunan dan penyampaian Micro-credential mereka. Penilaian kualiti luaran sedemikian oleh Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti, UMT akan menyediakan pengesahan pihak ketiga.

6.9 PENGURUSAN DATA DAN REKOD PESERTA

Rekod permohonan peserta, perkembangan, prestasi, pengurangan dan penamatan kursus Micro-credential mesti disimpan dengan selamat oleh PTj untuk pengesahan oleh pihak berkepentingan. Pensijilan digital hendaklah selamat, terjamin, boleh dikongsi dan mengandungi maklumat penting tentang PTj yang berkenaan, peserta, pembelajaran dan pencapaian seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Micro-credential Malaysia (PMM).

6.10 TADBIR URUS

Bagi melancarkan pengurusan dan pelaksanaan kursus Micro-credential, pihak PTj berkaitan dan UMT harus menyediakan mekanisme baharu dengan menubuhkan jawatankuasa baharu, atau menggunakan jawatankuasa sedia ada dengan skop dan bidang tugas tertentu pada dua peringkat:

- a. Jawatankuasa peringkat PTj:
 - i. Mematuhi pelaksanaan aspek jaminan kualiti termasuk proses penambahbaikan kualiti secara berterusan mengikut dasar, mekanisme dan proses yang digariskan oleh Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti UMT.
 - ii. Membuat pelaporan berkala kepada jawatankuasa peringkat universiti berhubung pembangunan dan pelaksanaan kursus Micro-credential.
 - iii. Memberi bimbingan serta merangka strategi untuk memastikan kursus Micro-credential dilaksanakan dengan berkesan.

- b. Jawatankuasa peringkat Universiti – **Jawatankuasa Teknikal Pembelajaran Sepanjang Hayat, UMT (Lampiran 4):**
 - i. Menilai dan mempertimbangkan kewajaran, keperluan serta keberkesanan sesuatu permohonan penawaran Program PSH Formal, Bukan Formal dan Tidak Formal oleh PTj.
 - ii. Menyemak dan menilai reka bentuk Program PSH oleh PTj.
 - iii. Membuat pengesyoran kepada Senat/ JKA UMT untuk meluluskan penawaran Program PSH berkredit yang telah lulus proses penilaian di fakulti/PPAL/institut/Pusat Asasi.
 - iv. Meluluskan penawaran Program PSH tidak berkredit yang telah lulus proses penilaian di Pusat UMT Life.
 - v. Menyelaras perancangan dan penawaran Program PSH dan aktiviti promosi Program PSH UMT.
 - vi. Memastikan pelaksanaan Program PSH UMT mematuhi Garis Panduan berkaitan PSH dan TOR pelaksanaan PSH yang berkuatkuasa di UMT.










RUJUKAN


- Code of Practice for Programme Accreditation: *Open and Distance Learning*. Edisi Kedua (2019). Cyberjaya: Malaysian Qualification Agency
- Garis Panduan Perancangan, Penawaran dan Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat Universiti Malaysia Terengganu (2022), Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UMT
- Malaysia Qualifications Agency (MQA) (2023). *Guideline to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Access (APEL.A) and Accreditation of Prior Experiential Learning for Micro-credentials (APEL.M)*. First Edition 2023
- Malaysian Qualifications Agency (MQA) (2020). *Guidelines to good practices: Micro-credentials*. First Edition 2020.
<https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/garispanduan/2020/GGP%20Microcredentials%20July%202020.pdf>
- Malaysian Qualifications Agency (2019). *Guidelines on Micro-Credentials*. Petaling Jaya, Malaysia.
- Malaysian Qualifications Framework. Edisi Kedua (2017). Cyberjaya: Malaysian Qualification Agency.
- Polisi dan Garis Panduan Pentaksiran dan Penilaian Akademik Universiti Malaysia Terengganu (2023), UMT

LAMPIRAN

**Carta Aliran Proses Perancangan, Penawaran dan Pelaksanaan
Micro-Credential (MC) Berkredit UMT**

Keterangan/Tanggungjawab	Carta Alir	Rujukan
<p>1. PTj kenalpasti kursus MC berkredit yang ingin ditawarkan berdasarkan kajian pasaran, sasaran peserta, hasil pembelajaran dan mod penyampaian.</p>		
<p>2. Ketua PTj lantik Pengurus Projek MC.</p>		
<p>3. Pengurus Projek MC PTj semak tajuk modul yang ingin dibangunkan dalam bank kursus MC bagi memastikan tiada pertindihan dengan kursus MC sedia ada.</p>		
<p>4. Pengurus Projek MC PTj menyediakan kertas cadangan penawaran kursus.</p>		<p>Borang penawaran kursus MC (ULC/MC/01)</p>
<p>5. JK Penjaminan Kualiti PTJ membuat penilaian dalaman kualiti reka bentuk kursus tersebut.</p>		<p>Borang semakan silibus kursus MC (ULC/MC/02)</p>
<p>6. Semakan reka bentuk kursus oleh Jawatankuasa Teknikal MC UMT.</p>		
<p>7. Pengurus Projek MC PTj membangunkan bahan pengajaran kursus MC.</p>		
<p>8. Kelulusan Jawatankuasa Teknikal Pembelajaran Sepanjang Hayat (JTPSH) UMT.</p>		
<p>9. Perakuan JKA UMT/Senat.</p>		


Keterangan/Tanggungjawab	Carta Alir	Rujukan
10. Daftar di bank kursus MC.		
11. Pusat UMT Life hantar kertas cadangan penjanaaan pendapatan.		
12. Hebahan atau promosi kursus oleh pihak yang terlibat.		
13. Pusat UMT Life membuka permohonan kepada peserta setelah mendapat makluman daripada Pengurus Projek MC PTj.		
14. Pusat UMT Life membuat saringan peserta.		
15. Pusat UMT Life mengeluarkan surat tawaran kepada peserta.		
16. Peserta membuat pengesahan penerimaan tawaran dan memuatnaik bukti pembayaran.		
17. Pusat UMT Life memaklumkan maklumat kursus.		
		

Keterangan/Tanggungjawab	Carta Alir	Rujukan
18. Peserta mengikuti kursus.	 <pre> graph TD 18[18] --> 19[19] 19 --> 20[20] 20 --> 21[21] 21 --> 22[22] 22 --> 23[23] 23 --> S3((S3)) </pre>	
19. Peserta menjalani penilaian.		
20. Peserta mengisi borang maklum balas setelah tamat kursus.		
21. Pensyarah membuat semakan penilaian.		
22. Peserta menerima lencana digital/sijil mikro selepas semakan penilaian oleh pensyarah.		
23. Bagi kursus MC berkredit dan layak menerima PMM, pengurus projek akan membawa keputusan penilaian ke mesyuarat penyelarasan semakan moderasi dan pengesahan markah peringkat PTj yang terlibat.		

Keterangan/Tanggungjawab	Carta Alir	Rujukan
24. PTj akan membawa keputusan penilaian ke mesyuarat penyelarasan semakan moderasi dan pengesahan markah yang berpusat di Pusat UMT Life.	24	
25. Pusat UMT Life membawa keputusan penilaian ke mesyuarat senat untuk pengesahan.	25	
26. Pusat UMT Life membuat hebahan keputusan penilaian kepada peserta.	26	
27. Peserta menerima PMM.	27	
28. Bagi peserta yang gagal, boleh mengulang kursus dengan bayaran yang ditetapkan.	28	Rujuk garis panduan pelaksanaan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) CLO-PLO.
29. Pensyarah melaksanakan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) laporan akhir pelaksanaan MC.	29	Rujuk garis panduan perancangan, penawaran dan pelaksanaan program PSH UMT untuk laporan akhir.
30. Pengurus projek membentangkan laporan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembelajaran Sepanjang Hayat (JTPSH) UMT.	30	
31. Tamat.	31	
	TAMAT	


**Carta Aliran Proses Perancangan, Penawaran dan Pelaksanaan
Micro-Credential (MC) Tidak Berkredit UMT**

Keterangan/Tanggungjawab	Carta Alir	Rujukan
<ol style="list-style-type: none"> 1. PTj kenalpasti kursus MC tidak berkredit yang ingin ditawarkan berdasarkan kajian pasaran, sasaran peserta, hasil pembelajaran dan mod penyampaian. 2. Ketua PTj lantik Pengurus Projek MC. 3. Pengurus Projek MC PTj semak tajuk modul yang ingin dibangunkan dalam bank kursus MC bagi memastikan tiada pertindihan dengan kursus MC sedia ada. 4. Pengurus Projek MC PTj menyediakan kertas cadangan penawaran kursus. 5. Pusat UMT Life membuat penilaian dalaman kualiti reka bentuk kursus tersebut. 6. Kelulusan oleh Jawatankuasa Teknikal PSH UMT. 7. Pengurus Projek MC PTj membangunkan bahan pengajaran kursus MC. 8. Daftar di bank kursus MC. 9. Pusat UMT Life hantar kertas cadangan penjanaaan pendapatan. 	<pre> graph TD MULA([MULA]) --> 1[1] 1 --> 2[2] 2 --> 3[3] 3 --> 4[4] 4 --> 5[5] 5 --> 6[6] 6 --> 7[7] 7 --> 8[8] 8 --> 9{9} 9 --> S1([S1]) 9 --> 4 </pre>	<p>Borang penawaran kursus MC (ULC/MC/01)</p> <p>Borang semakan silibus kursus MC (ULC/MC/02)</p>

Keterangan/Tanggungjawab	Carta Alir	Rujukan
10. Hebahan atau promosi kursus oleh semua pihak yang terlibat.	10	
11. Pusat UMT Life membuka permohonan kepada peserta setelah mendapat makluman daripada Pengurus Projek MC PTj.	11	
12. Pengurus Projek MC PTj membuat saringan peserta.	12	
13. Pusat UMT Life mengeluarkan surat tawaran kepada peserta.	13	
14. Peserta membuat pengesahan penerimaan tawaran dan memuatnaik bukti pembayaran.	14	
15. Pusat UMT Life memaklumkan maklumat kursus.	15	
16. Peserta mengikuti kursus.	16	
17. Peserta menjalani penilaian.	17	
	 <pre> graph TD 10[10] --> 11[11] 11 --> 12[12] 12 --> 13[13] 13 --> 14[14] 14 --> 15[15] 15 --> 16[16] 16 --> 17[17] 17 --> S2((S2)) </pre>	

Keterangan/Tanggungjawab	Carta Alir	Rujukan
18. Peserta mengisi borang maklum balas setelah tamat kursus.	18	
19. Tenaga pengajar membuat semakan penilaian.	↓ 19	
20. Peserta menerima lencana digital/sijil mikro selepas semakan penilaian oleh tenaga pengajar.	↓ 20	
21. Bagi peserta yang gagal, boleh mengulang kursus dengan bayaran yang ditetapkan.	↓ 21	
22. Tenaga pengajar melaksanakan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI), laporan akhir pelaksanaan MC.	↓ 22	
23. Pengurus projek membentangkan laporan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembelajaran Sepanjang Hayat (JTSPSH) UMT.	↓ 23	
24. Tamat.	↓ TAMAT	

Contoh Silibus Micro-Credential

 MICRO-CREDENTIALS COURSE MAPPING								
FACULTY/ CENTRE	PUSAT PENDIDIKAN ASAS DAN LANJUTAN							
PROGRAMME	MICRO-CREDENTIALS							
COURSE TITLE	FIQH IBADAT							
COURSE CODE	NCC3132	UNIT	3 (120 - hours SLT)					
INSTRUCTOR	DR. ABDUL HANIS EMBONG, DR. NAJIHAH ABDUL MUTALIB							
COURSE SYNOPSIS	Kursus ini mendedahkan pelajar tentang prinsip asas dalam Fiqh Ibadat yang meliputi asas Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah. Perbincangan dan perincian tentang ilmu Fiqh Ibadat berkaitan Solat, Puasa, Zakat, Pengurusan Jenazah dan Sembelihan serta Fiqh Kebommbaan akan diselangi dengan dall-dalil penyariatian, syarat dan kaedah pelaksanaannya. Isu-isu semasa berkaitan dengan pelaksanaan ibadah tersebut akan turut dibincangkan termasuk aspek praktikal dalam bab-bab tertentu. Di akhir kursus ini pelajar akan dapat mempraktikkan ibadat asas dalam Islam ke arah menjadi insan yang soleh.							
COURSE LEARNING OUTCOME (CLO):	Di akhir pembelajaran pelajar mampu untuk: 1. Menerangkan Fiqh Ibadat dari aspek Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah. [C2, PLO1] 2. Mempamerkan kemahiran pengurusan amali ibadat. [P3, PLO2] 3. Membincangkan dengan yakin amali ibadah hasil penyertaan dalam aktiviti yang dijalankan. [A2, PLO7]							
COURSE: FIQH IBADAT (NCC3132) 3 CREDIT (120 SLT)								
MICRO-CREDENTIALS COURSE : FIQH SOLAT (NCC3132MC1)								
CLO	CHAPTER/TOPICS	MODULE	Module/Micro Learning Outcomes (MLO)		CONTENT/ DURATION	SLT (HOURS)	SCL ACTIVITIES/ ASSESSMENT	SLT (HOURS)
CLO1	Konsep Ilmu Fiqh Ibadat	Module 1 Tajuk: Pengenalan Fiqh Ibadat dan Solat. Definisi, Pembahagian, Sumber Hukum dan Hubungkait Fiqh Ibadat dengan Solat	MLO1	Menerangkan maksud Fiqh Ibadat dan Solat secara umum.	Kuliah (F2F/Online) – 1 hour: Kuliah pengenalan berkaitan konsep ilmu Fiqh Ibadat. 1 video (20 mins) – Pembahagian dan sumber hukum atau topik berkaitan	3	Ulangkaji dan praktikal sendiri Kuiz	6
			MLO2	Mendedahkan pembahagian dan sumber hukum, menjelaskan hubungkait Fiqh Ibadat dengan Solat				
CLO1	Fiqh Ibadat tentang Solat	Module 1 Tajuk: Fiqh Solat. Pengertian, waktu-waktu, syarat wajib, syarat sah, rukun solat dan pembahagian solat, solat berjemaah dan isu berkaitan.	MLO3	Menjelaskan pengertian waktu-waktu solat, syarat dan rukun solat serta Taharah.	Kuliah (F2F/Online) – 1 hour: Kuliah pengenalan tentang Fiqh Ibadat Solat 1 video (20 mins) – berkaitan ibadat solat	3	Ulangkaji dan praktikal sendiri Pelatih menghafaz bacaan-bacaan dalam solat (tasmik)	6
			MLO4	Menerangkan tentang pembahagian solat dan solat berjemaah dan isu berkaitan.				
ASSESSMENT FOR MC1								2
TOTAL (CONTENT/ DURATION)						6	TOTAL (SCL ACTIVITIES/ASSESSMENT)	14
ALL Topics -> Module -> MLO -> Activities -> Assessment = 20 SLT								

COURSE: Fiqh Ibadat (NCC3132) 3 CREDIT (120 SLT)

MICRO-CREDENTIALS COURSE : Fiqh Puasa (NCC3132MC2)

CLO	CHAPTER/TOPICS	MODULE	Module/Micro Learning Outcomes (MLO)	CONTENT/ DURATION	SLT (HOURS)	SCL ACTIVITIES/ ASSESSMENT	SLT (HOURS)
CLO1	Fiqh Ibadat tentang Puasa	Module 2 Title: Fiqh Puasa. Konsep dan falsafah, pembahagian puasa, sejarah dan hikmah, syarat wajib puasa, rukun puasa, perkara yang membatalkan puasa,	MLO5	Menjelaskan Konsep dan falsafah, pembahagian puasa, sejarah dan hikmah puasa.	Kuliah (F2F/Online) – 1 hour: Kuliah pengenalan tentang Ibadah Puasa	Ulangkaji dan praktikal sendiri Kuiz online	6
			MLO6	Menerangkan syarat wajib puasa, rukun puasa dan perkara yang membatalkan puasa.			
CLO1	Fiqh Ibadat tentang Puasa	Module 2 Fiqh Puasa: Menjelaskan isu semasa berkaitan fidyah dan masalah ketika puasa.	MLO7	1. Membincangkan tentang fidyah, kaffarah dalam puasa serta isu-isu semasa.	Kuliah (F2F/Online) – 1 hour: Kuliah pengenalan tentang Ibadah Puasa 1 video (20 mins) – berkaitan ibadat puasa.	Ulangkaji dan praktikal sendiri Kuiz online	6
			MLO8	2. Menjelaskan isu kontemporari berkaitan puasa			
ASSESSMENT FOR MC2							2
TOTAL (CONTENT/ DURATION)					6	TOTAL (SCL ACTIVITIES/ASSESSMENT)	14

ALL Topics -> Module -> MLO -> Activities -> Assessment = 20 SLT

COURSE: Fiqh Ibadat (NCC3132) 3 CREDIT (120 SLT)

MICRO-CREDENTIALS COURSE : Fiqh Zakat (NCC3132MC3)

CLO	CHAPTER/TOPICS	MODULE	Module/Micro Learning Outcomes (MLO)	CONTENT/ DURATION	SLT (HOURS)	SCL ACTIVITIES/ ASSESSMENT	SLT (HOURS)
CLO3	Fiqh Ibadat tentang Zakat	Module 3 Title: Fiqh Zakat. Definisi, dalil, hukum, syarat, rukun dan isu semasa.	MLO9	1. Menerangkan definisi zakat dari sudut bahasa dan istilah. Dalil dan perbincangan.	Lecture (F2F/online) – 1 hour: Maksud Zakat Video (20 minit) – berkaitan ibadah zakat	Forum Ulangkaji, Hafazan dan Kuiz	6
			MLO10	2. Membezakan antara syarat zakat dengan rukun zakat.			
CLO3	Fiqh Ibadat tentang Zakat	Module 3 Title: Isu Semasa Zakat di Malaysia. Perbincangan sarjana tentang kewajipan zakat dan khilaf dalam perkara yang wajib zakat.	MLO11	1. Menerangkan isu semasa berkaitan zakat 2. mengenalpasti syarat dalam permasalahan tersebut	Lecture (F2F/online) – 1 hour: isu semasa berkaitan Zakat 1 video (20 mins) – berkaitan dengan khilaf dalam isu zakat	Ulangkaji, Hafazan dan Kuiz	6
			MLO12	3. Mengenalpasti khilaf pandangan dalam isu berkaitan zakat.			

ASSESSMENT FOR MC3							2		
						TOTAL (CONTENT/ DURATION)	6	TOTAL (SCL ACTIVITIES/ASSESSMENT)	14
ALL Topics -> Module -> MLO -> Activities -> Assessment = 20 SLT									
COURSE: FIQH IBADAT (NCC3132) 3 CREDIT (120 SLT)									
MICRO-CREDENTIALS COURSE : FIQH HAJI DAN UMRAH (NCC3132MC4)									
CLO	CHAPTER/TOPICS	MODULE	Module/Micro Learning Outcomes (MLO)		CONTENT/ DURATION	SLT (HOURS)	SCL ACTIVITIES/ ASSESSMENT	SLT (HOURS)	
CLO3	Fiqh Ibadat tentang Haji	Module 4 Title: Fiqh Haji. Definisi, dall, hukum, syarat, rukun dan isu semasa.	MLO13	1. Menerangkan maksud ibadah haji dan kefarduannya. 2. mengenalpasti syarat dan rukun haji.	Lecture (F2F/online) – 1 hour: Maksud Haji dan Manasik Haji 1 video (20 mins) –berkaitan ibadah Haji	3	Ulangkaji, Hafazan dan Kuiz	6	
			MLO14	3. Mengenalpasti isu semasa yang berlaku ketika ibadah Haji berlangsung					
CLO3	Fiqh Ibadat tentang Umrah	Module 4 Title: Fiqh Umrah. Definisi, dall, hukum, syarat, rukun dan isu semasa.	MLO15	1. Menjelaskan perbezaan umrah dengan haji.	Lecture (F2F/online) – 2 hours: Maksud Haji dan perbezaannya dengan umrah 1 video (20 mins) –berkaitan ibadah umrah	3	Ulangkaji, Hafazan dan Kuiz	6	
			MLO16	2. Menyelesaikan isu semasa berkaitan ibadah umrah					
ASSESSMENT FOR MC4							2		
						TOTAL (CONTENT/ DURATION)	6	TOTAL (SCL ACTIVITIES/ASSESSMENT)	14
ALL Topics -> Module -> MLO -> Activities -> Assessment = 20 SLT									
COURSE: FIQH IBADAT (NCC3132) 3 CREDIT (120 SLT)									
MICRO-CREDENTIALS COURSE : FIQH PENGURUSAN JENAZAH (NCC3132MC5)									
CLO	CHAPTER/TOPICS	MODULE	Module/Micro Learning Outcomes (MLO)		CONTENT/ DURATION	SLT (HOURS)	SCL ACTIVITIES/ ASSESSMENT	SLT (HOURS)	
CLO2	Fiqh Ibadat tentang Pengurusan Jenazah	Module 5 Title: Fiqh Jenazah. Definisi, dall, syarat-rukun, hukum. Demonstrasi.	MLO17	1. Menerangkan definisi jenazah dan jenis-jenis jenazah dalam Islam	Lecture (F2F/online) – 1 hour: Maksud jenazah dalam Islam 1 video (20 mins) –berkaitan pengurusan jenazah	3	Praktikal Pengurusan Jenazah	6	
			MLO18	2. Menjelaskan hukum-hakam berkaitan pengurusan jenazah dan isu semasa					
CLO2	Fiqh Ibadat tentang Pengurusan	Module 5	MLO19	1. Menjelaskan isu semasa yang dihadapi ketika pengurusan	Lecture (F2F/online) – 1 hour: isu semasa berkaitan jenazah		Ulangkaji dan praktikal sendiri		

		Title: Fiqh Pengurusan jenazah. Isu semasa berkaitan pengurusan jenazah, tayamum, jenazah Covid	MLO20	2. Menjelaskan kaedah tayammum dan cara pengurusan jenazah berprnyakit berjangkit.	1 video (20 mins) –berkaitan pengurusan jenazah Covid-19	3		6
ASSESSMENT FOR MCS								2
TOTAL (CONTENT/ DURATION)						6	TOTAL (SCL ACTIVITIES/ASSESSMENT)	14
ALL Topics -> Module -> MLO -> Activities -> Assessment = 20 SLT								
COURSE: FIQH IBADAT (NCC3132) 3 CREDIT (120 SLT)								
MICRO-CREDENTIALS COURSE : FIQH BADAN BERUNIFORM & KEBOMBAAN (NCC3132MC6)								
CLO	CHAPTER/TOPICS	MODULE	Module/Micro Learning Outcomes (MLO)		CONTENT/ DURATION	SLT (HOURS)	SCL ACTIVITIES/ ASSESSMENT	SLT (HOURS)
CLO2	Fiqh Ibadat tentang Badan Beruniform	Module 6 Title: Fiqh Badan Beruniform. Definisi, adab, ciri-ciri dan kepentingan Fiqh Badan Beruniform	MLO21	1. Menjelaskan definisi Fiqh Badan Beruniform seperti Bomba	Lecture (F2F/online) – 1 hour: Penjelasan Fiqh Badan Beruniform	3	Ulangkaji dan praktikal sendiri	6
				2. Menjelaskan ciri-ciri dan adab dalam badan beruniform	1 video (20 mins) –berkaitan Fiqh Badan Beruniform			
CLO2	Fiqh Ibadat tentang Badan Beruniform: Kebommbaan	Module 6 Title: Fiqh Kebommbaan. Definisi, kedudukan, kepentingan dan isu semasa.	MLO23	1. Menjelaskan definisi kepada Fiqh Kebommbaan	Lecture (F2F/online) – 1 hour: Pengertian Fiqh Kebommbaan	3	Forum Ulangkaji dan praktikal sendiri	6
			MLO24	2. Menjelaskan kepentingan Fiqh Kebommbaan kepada anggota Bomba	1 video (20 mins) –berkaitan Fiqh Kebommbaan			
ASSESSMENT FOR MC6								2
TOTAL (CONTENT/ DURATION)						6	TOTAL (SCL ACTIVITIES/ASSESSMENT)	14
ALL Topics -> Module -> MLO -> Activities -> Assessment = 20 SLT								

Notes:

- Number of modules vary from one course to another
- 10 minutes video = 1-hour SLT
- Activity/Assessment may vary for each module

SUMMARY OF COURSE MAPPING

COURSE: FUNDAMENTALS OF PHYSICAL FITNESS (CCS3013) 3 CREDIT (120 SLT)

NO.	MICRO-CREDENTIALS COURSE CODE	MICRO-CREDENTIALS COURSE NAME	COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)	MODULE	MICRO LEARNING OUTCOME (MLO)	CONTENT (SLT)	ACTIVITY/ ASSESSMENT (SLT)	TOTAL (SLT)	
1.	NCC3132MC1	FIIQH SOLAT	CLO1	M1	MLO1, MLO2	3	6	9	
				M2	MLO3, MLO4	3	6	9	
							ASSESSMENT FOR MC1	2	2
								TOTAL SLT MC1	20
2	NCC3132MC2	FIIQH PUASA	CLO1	M3	MLO5, MLO6	3	6	9	
				M4	MLO7, MLO8	3	6	9	
							ASSESSMENT FOR MC2	2	2
								TOTAL SLT MC2	20
2.	NCC3132MC3	FIIQH ZAKAT	CLO3	M5	MLO9, MLO10	3	6	9	
				M6	MLO11, ML12	3	6	9	
							ASSESSMENT FOR MC3	2	2
								TOTAL SLT MC3	20
4	NCC3132MC4	FIIQH HAJI DAN UMRAH	CLO3	M7	MLO13, ML14	3	6	14	
				M8	MLO15, MLO 16	3	6	4	
							ASSESSMENT FOR MC4	2	2
								TOTAL SLT MC4	20
5.	NCC3132MC5	FIIQH PENGURUSAN JENAZAH	CLO2	M9	MLO17, MLO18	3	6	9	
				M10	MLO19, MLO20	3	6	9	
							ASSESSMENT FOR MC5	2	2
								TOTAL SLT MC5	20
6	NCC3132MC6	FIIQH BADAN BERUNIFORM DAN KEBOMBAAN	CLO2	M11	MLO21, MLO22	3	6	9	
				M12	MLO23, MLO24	3	6	9	
							ASSESSMENT FOR MC6	2	2
								TOTAL SLT MC6	20
								TOTAL SLT (MC1+MC2+MC3+MC4+MC5+MC6)	120

Terma Rujukan
Jawatankuasa Teknikal Pembelajaran Sepanjang Hayat, UMT

1.0 NAMA JAWATANKUASA

Jawatankuasa ini dinamakan Jawatankuasa Teknikal Pembelajaran Sepanjang Hayat (JTPSH), UMT.

2.0 TUJUAN

2.1 JTPSH merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menilai dan mempertimbangkan permohonan pelaksanaan Program PSH oleh mana-mana PTj.

3.0 KEAHLIAN JAWATANKUASA

3.1 Keahlian JTPSH

- (a) Pengarah Pusat UMT Life berperanan sebagai Pengerusi
- (b) Ketua Jabatan PSH sebagai Timbalan Pengerusi
- (c) Pengarah, Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi
- (d) Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik
- (e) Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti
- (f) Timbalan Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah
- (g) Ketua E-Pembelajaran, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik
- (h) Semua Ketua Jabatan Pusat UMT Life
- (i) Semua Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) Fakulti /PPAL dan
- (j) Semua Timbalan Pengarah Institut

4.0 FUNGSI

4.1 Fungsi utama JTPSH adalah seperti berikut:

- (a) Menilai dan mempertimbangkan kewajaran, keperluan serta keberkesanan sesuatu permohonan penawaran Program PSH Formal, Bukan Formal dan Tidak Formal oleh PTj.
- (b) Menyemak dan menilai reka bentuk Program PSH oleh PTj.
- (c) Membuat pengesyoran kepada Senat/ JKA UMT untuk meluluskan penawaran Program PSH berkredit yang telah lulus proses penilaian di fakulti/PPAL/institut/Pusat AsasiPusa
- (d) Meluluskan penawaran Program PSH tidak berkredit yang telah lulus proses penilaian di Pusat UMT Life.
- (e) Menyelaras perancangan dan penawaran Program PSH dan aktiviti promosi Program PSH UMT.
- (f) Memastikan pelaksanaan Program PSH UMT mematuhi Garis Panduan berkaitan PSH dan TOR pelaksanaan PSH yang berkuatkuasa di UMT.

4.2 Fungsi JTPSH boleh bertambah dan berkurang mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Pembelajaran Sepanjang Hayat UMT dari semasa ke semasa.

5.0 TATA KELOLA MESYUARAT JTPSH

5.1 Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.

5.2 Korum untuk mengadakan mesyuarat adalah sekurang-kurangnya 1/3 daripada jumlah keseluruhan ahli. Ahli boleh menghantar wakil sekiranya tidak dapat menghadiri mesyuarat.

5.3 Mesyuarat boleh menjemput mana-mana individu untuk membantu membuat keputusan bagi perkara yang dibincangkan.

Senarai Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert) Micro-credential, UMT

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

1. Dr. Rabiul Mu`azu Musa
2. Dr. Abdul Hanis Embong
3. Dr. Najihah Abdul Mutalib
4. En. Borhanudin Mohd Yusof @ Mohamed

Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Pembangunan Sosial

1. Prof Madya Dr. Azizul Yadi Yaakop
2. Prof Madya Dr. Falindah Padlee
3. Prof Madya Dr. Siti Nur'Atikah Zulkiffli
4. Prof Madya Dr. Nik Hazimah Nik Mat
5. Dr. Azlinzuraini Ahmad
6. Dr. Nur Amalina Mohamad Zaki
7. Dr. Nur Aishah Awi

Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

1. Prof Madya Dr. Mohd Hasmizam Razali
2. Dr. Mohd Al-Amin Muhamad Nor


Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan

1. Dr. Mohammad Fakhratul Ridwan Bin Zulkifli
2. En. Sheikh Alif Bin Ali

Fakulti Pengajian Maritim

1. Prof. Dr. Wan Mohd Norsani b Wan Nik

Borang Penawaran Kursus Micro-credential

	BORANG PENAWARAN KURSUS MICRO-CREDENTIAL UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
---	--

Bahagian 1: Maklumat Program

a. Program	<input type="text"/>
b. Nama Kursus	<input type="text"/>
c. Kod Kursus	<input type="text"/>
d. Mod Kursus	<input type="text"/>
e. Objektif Program	<i>(Senaraikan objektif program yang boleh dijangka dapat dicapai oleh peserta)</i>
d. Sinopsis Program	<i>(Ringkasan tentang program untuk kegunaan promosi)</i>
e. Potensi kursus	<input type="text"/>
f. Pengajar	<i>(Senaraikan nama-nama staf yang akan terlibat sebagai pengajar/penceramah/fasilitator. Lampirkan CV ringkas.)</i>
g. Sasaran Peserta	<input type="text"/>
h. Jangkaan bilangan Peserta	<input type="text"/>
i. Agensi kerjasama	<input type="text"/>
j. Jangkaan tarikh kursus	<input type="text"/>
k. Kaedah pelaksanaan	Atas Talian <input type="checkbox"/> Fizikal <input type="checkbox"/> Hibrid <input type="checkbox"/>

Bahagian 2: Kandungan KursusLampiran Kursus Silibus Asal Silibus Micro-credential Borang semakan silibus **Bahagian 3: Cadangan Implikasi Kewangan (jika berkaitan)**

IMPLIKASI KEWANGAN			
Sumber Pembiayaan (A)			
Vot / Tabung Amanah			Jumlah (RM)
Jumlah Keseluruhan Sumber Pembiayaan			
Perbelanjaan (B)			
Perkara	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan			

Pendapatan:	
Sumber Pembiayaan (A) - Perbelanjaan (B)	
Perkara	Jumlah (RM)
Sumber Pembiayaan (A)	
Perbelanjaan (B)	
Jumlah Pendapatan	

Disediakan oleh

Disemak dan disokong oleh

.....

.....

Pengurus Projek

Ketua PTj

Nama :

Tarikh :

No. Telefon:

Emel:

Tarikh :

Borang Semakan Silibus Kursus Micro-credential

	<p>BORANG SEMAKAN SILIBUS KURSUS MICRO-CREDENTIAL UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU</p>
---	---

BIL.	PERKARA	SEMAKAN (Sila Tandakan [/])		
		LENGKAP	TIDAK LENGKAP	CATATAN
1.	Nama Kursus			
2.	Kod Kursus			
3.	Hasil Pembelajaran Kursus Micro-credential			
4.	Bilangan Modul			
5.	Hasil Pembelajaran Modul (MLO)			
6.	Kandungan Kursus/Aktiviti			
7.	Penilaian Berterusan			
8.	Penilaian Akhir			
9.	Pembahagian & Jumlah SLT Kursus			
10.	Penyelaras Kursus			
11.	Pengajar Kursus			
12.	Sasaran Pelajar			
13.	Kursus Asal UMT (Jika Berkaitan)			
14.	Agensi Kerjasama			
15.	Jam Kredit yang ditawarkan Secara Micro-credential			
16.	Jangka Masa Kursus Micro-credential (jika berkaitan)			
17.	PTG/MOOC/tiada (pilihan)			

Nama Mesyuarat:		Tarikh Mesyuarat:	
PENGESAHAN OLEH DEKAN/TIMBALAN DEKAN/KETUA PTj:		UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA:	
Ulasan/Catatan:		Ulasan/Catatan:	
Nama:		Nama:	
Jawatan:		Jawatan:	
Tarikh:		Tarikh:	
Tanda Tangan & Cop:		Tanda Tangan & Cop:	